

# KETOVID SHAMPOO

Ketoconazole (2% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ketovid Shampoo
2. Bagaimana Ketovid Shampoo berfungsi
3. Sebelum menggunakan Ketovid Shampoo
4. Cara menggunakan Ketovid Shampoo
5. Semasa anda menggunakan Ketovid Shampoo
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ketovid Shampoo
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Hak Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

## Apakah kegunaan Ketovid Shampoo

Ketovid Shampoo digunakan untuk merawat dan mencegah jangkitan kulat dan yis pada kulit dan kulit kepala.

## Bagaimana Ketovid Shampoo berfungsi?

Ketovid Shampoo mengandungi bahan aktif ketoconazole, sejenis antikulat yang berfungsi membunuh kulat yang menyebabkan jangkitan.

## Sebelum menggunakan Ketovid Shampoo

### -Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Ketovid Shampoo jika anda alah kepada ketoconazole, miconazole, antikulat jenis azole yang lain atau sebarang bahan lain yang terkandung di dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut).

### -Sebelum menggunakan Ketovid Shampoo

Jika anda telah menggunakan rawatan kortikosteroid untuk tempoh yang lama, hentikan penggunaannya secara perlahan-lahan dalam tempoh 2 hingga 3 minggu ketika menggunakan shampoo ini untuk mengelakkan sebarang kesan sampingan.

### Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan

anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil ubat-ubat lain, termasuk ubat-ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Ketovid Shampoo

### -Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Sapukan Ketovid Shampoo ke kawasan kulit atau kulit kepala yang dijangkiti. Biarkan selama 3 hingga 5 minit, kemudian bilaskan.

### -Bila perlu digunakan

Untuk *pityriasis versicolor* (tompok putih atau coklat pada kulit):

Rawatan: Sekali sehari selama 5 hari.

Pencegahan: Sekali sehari selama 3 hari bagi setiap rawatan sebelum terdedah kepada cahaya matahari.

Untuk kelemumur atau kulit bersisik yang kering, berminyak:

Rawatan: Dua kali seminggu selama 3 hingga 4 minggu.

Pencegahan: Sekali setiap satu atau dua minggu.

### -Berapa lama perlu digunakan

Gunakan Ketovid Shampoo mengikut tempoh yang ditetapkan oleh doktor anda dan teruskan menggunakan ubat ini sehingga simptom jangkitan hilang sepenuhnya.

Tempoh rawatan bergantung kepada jenis jangkitan anda.

Jika gejala masih berterusan selepas 4 minggu menggunakan ubat ini, dapatkan nasihat doktor anda.

### -Jika anda terlupa menggunakan

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa yang telah menggunakan dos yang berlebihan atau secara tidak sengaja menelan ubat ini. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Sekiranya tertelan ubat ini, mungkin akan menyebabkan rasa loya dan muntah, manakala penggunaan dos yang berlebihan berkemungkinan akan meningkatkan risiko kesan sampingan, yang akan pulih apabila penggunaan dihentikan.

## Semasa menggunakan Ketovid Shampoo

### -Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Ketovid Shampoo.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

# KETOVID SHAMPOO

Ketoconazole (2% w/w)

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Ketovid Shampoo kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan daripada terkena mata. Jika terkena, bilas dengan air sejuk.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Ketovid Shampoo boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Ketovid Shampoo biasanya boleh diterima dengan baik. Namun, ada beberapa kesan sampingan yang dilaporkan termasuk:

- Rasa terbakar, gatal, atau keradangan pada kulit.
- Rambut dan kulit kepala menjadi kering atau berminyak (jarang berlaku).
- Jika rambut anda rosak atau berwarna kelabu, warnanya mungkin akan berubah sedikit.
- Ruam kulit atau kehilangan rambut dengan penggunaan shampoo ini (sangat jarang).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers* → *Reporting Side effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

**Cara penyimpanan dan pelupusan Ketovid Shampoo**

-Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, di bawah suhu 30°C.

Jauhi daripada cahaya.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

-Rupa dan warna produk

Cecair legap berwarna merah jambu.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
  - Ketoconazole
- Bahan tidak aktif
  - Purified Water
  - Acrylates Copolymer
  - Erythrosine
  - Citric acid
  - Fragrance
  - Phenoxyethanol and parabens
  - Sodium Cocoamphoacetate
  - Disodium Edetate
  - Polyquartenium 10
  - Styrene/ Copolymer
  - Sodium PCA
  - Sodium Sulfite
  - Cocamido-propyl-betaine
  - Sodium Laureth Ether Sulphate
  - Disodium Cocoyl Glutamates

-Nombor MAL

MAL08051747AZ

**Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk**

HOVID Bhd.  
121, Jalan Tunku Abdul Rahman (Jalan Kuala Kangsar),  
30010, Ipoh, Perak,  
Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

HOVID Bhd.  
121, Jalan Tunku Abdul Rahman (Jalan Kuala Kangsar),  
30010, Ipoh, Perak,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

11/06/2024

**Nombor Siri**

NPRA(R4/1)110624/00068